

**PEMIKIRAN KHADIJAH HASHIM DAN N.H. DINI
DALAM NOVEL-NOVEL TERPILIH**

SINAWATI BINTI ZIAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2023

**PEMIKIRAN KHADIJAH HASHIM DAN N.H. DINI
DALAM NOVEL-NOVEL TERPILIH**

oleh

SINAWATI BINTI ZIAN

**Tesis diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Januari 2023

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang atas berkat limpah rahmat dan kuasa-Nya yang mengizinkan saya menyelesaikan tesis ini dengan sempurna.

Setinggi-tinggi penghargaan khas ditujukan kepada Dr. Roslan bin Chin dan Dr. Membunga@Siti Meriam binti Yaacob, penyelia yang banyak memberikan tunjuk ajar, nasihat dan pandangan yang amat membantu saya mengharungi liku-liku perjalanan Phd. ini. Teristimewa penghargaan ini ditujukan kepada suami tersayang, Md Saad bin Abdul Latib yang sentiasa di sisi sebagai pencetus semangat dan teman suka duka yang sangat memahami situasi yang dihadapi. Teristimewa juga untuk anak-anak tersayang, Nur Fadhlin Sakina dan Muhammad Aiman Aniq yang merupakan nadi hidup dan semangat untuk terus melangkah, mendaki, menimba ilmu dan menggapai kejayaan. Sekuntum doa yang kudus untuk arwah bonda tersayang, Peah bt Hamid, yang merupakan insan yang menjadi asbab dan mencetuskan semangat untuk meneruskan pengajian hingga ke peringkat PhD.

Akhir sekali, penghargaan ini ditujukan kepada semua insan dan kenalan yang telah menyumbang secara langsung dan tidak langsung dalam kehidupanku dalam usaha menyiapkan tesis ini. Terima kasih tidak terhingga kepada semua insan yang sering menitipkan doa bagi memudahkan kembara mencari ilmu ini. Setinggi-tinggi kesyukuran ke atas Allah atas pertolongan-Mu yang mengurniakan ilmu dan pengetahuan yang amat berharga dan bernilai ini.

Sinawati Binti Zian

Bahagian Kesusasteraan,
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh,
Universiti Sains Malaysia.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vi
ABSTRAK	vii
ABSTRACT	viii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	13
1.4 Objektif Kajian	18
1.5 Kepentingan Kajian	19
1.6 Batasan Kajian	20
1.7 Kerangka Teori	21
1.8 Definisi Istilah dan Konsep	25
1.8.1 Pemikiran	25
1.8.2 Pendidikan	30
1.8.3 Kerjaya	32
1.8.4 Pasangan Hidup	33
1.9 Organisasi Tesis	34
1.10 Kesimpulan	36
BAB 2 SOROTAN KAJIAN	37
2.1 Pengenalan	37
2.2 Kajian Pemikiran Pengarang	37
2.3 Kajian Lepas Berkaitan dengan Karya Khadijah Hashim	42
2.4 Kajian Lepas Berkaitan dengan Karya N.H.Dini	44
2.5 Kajian Lepas Berkaitan Kesusasteraan Perbandingan	47
2.6 Kajian Feminisme di Malaysia dan Indonesia	50
2.7 Kesimpulan	57
BAB 3 TEORI DAN METODOLOGI	58
3.1 Pengenalan	58
3.2 Kesusasteraan Bandingan	58

3.3	Teori Feminis	62
3.3.1	Sejarah Gerakan Feminisme	63
3.3.2	Gerakan Feminis di Malaysia	69
3.3.3	Gerakan Feminis di Indonesia	73
3.3.4	Teori Ginokritik	76
3.4	Metodologi	83
3.5	Kesimpulan	85
BAB 4 PEMIKIRAN PENDIDIKAN DARI PERSPEKTIF KHADIJAH HASHIM DAN N.H. DINI		86
4.1	Pengenalan	86
4.2	Pendidikan daripada Perspektif Anak	91
4.3	Pendidikan daripada Perspektif Ibu	108
4.4	Kesimpulan	137
BAB 5 PEMIKIRAN KERJAYA DARI PERSPEKTIF KHADIJAH HASHIM DAN N.H. DINI		142
5.1	Pengenalan	142
5.2	Kerjaya Profesional	145
5.2.1	Ahli Perniagaan	147
5.2.2	Jururawat	157
5.2.3	Guru	163
5.3	Kerjaya Bukan Profesional	168
5.3.1	Pembantu rumah	169
5.3.2	Penjual/Peruncit	171
5.3.3	Penari Kelab Malam	176
5.3.4	Kerani	181
5.4	Kesimpulan	184
BAB 6 PEMIKIRAN PASANGAN HIDUP DARI PERSPEKTIF KHADIJAH HASHIM DAN N.H. DINI		185
6.1	Pengenalan	185
6.2	Wanita Tanpa Pasangan Hidup	186
6.3	Wanita dan Pasangan Hidup	203
6.4	Kesimpulan	230
BAB 7 PENUTUP		232
7.1	Pengenalan	232
7.2	Perbincangan Analisis Kajian	234

7.2.1	Perbincangan Analisis Kajian dalam Aspek Pendidikan.....	238
7.2.2	Perbincangan Analisis Kajian dalam Aspek Kerjaya.....	253
7.2.3	Perbincangan Analisis Kajian dalam Aspek Pasangan Hidup.....	260
7.3	Implikasi Kajian.....	267
7.4	Saranan Kajian Lanjutan.....	269
7.5	Kesimpulan.....	271
	RUJUKAN.....	274
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1 Analisis Aspek Pendidikan, Kerjaya dan Pasangan Hidup.....	238
Jadual 2 Rumusan Perbandingan Aspek Pemikiran.....	240

PEMIKIRAN KHADIJAH HASHIM DAN N.H. DINI
DALAM NOVEL-NOVEL TERPILIH

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pemikiran kedua-dua orang pengarang dalam aspek pendidikan, kerjaya dan pasangan hidup. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu analisis kandungan yang menganalisis teks daripada novel-novel pilihan untuk merungkai isu-isu dan persoalan yang menggambarkan pemikiran kedua-dua orang pengarang. Selain itu, kajian ini juga mengumpul data dan maklumat melalui kajian- kajian lepas yang telah dijalankan oleh pengkaji sebelum ini. Objektif kajian ini mengenal pasti persamaan dan perbezaan pemikiran Khadijah Hashim dan N.H.Dini dalam aspek Pendidikan, Kerjaya dan Pasangan Hidup. Kajian ini menggunakan teori kritikan feminis ginokritik semasa menganalisis pemikiran kedua-dua orang pengarang. Sebanyak tujuh buah novel karya Khadijah Hashim dan N.H.Dini dianalisis dalam kajian ini. Dapatan kajian ini mendapati terdapat persamaan pemikiran antara kedua-dua orang pengarang dalam isu kepentingan pendidikan dan kerjaya terhadap wanita. Namun begitu, terdapat perbezaan dalam pemikiran antara kedua- dua orang pengarang dalam isu pasangan hidup. N.H.Dini tidak menolak kehadiran lelaki dalam kehidupan wanita. Berbeza dengan Khadijah Hashim yang menolak kehadiran lelaki dalam kehidupan wanita, kerana wanita mampu berdikari. Hal ini disebabkan oleh pengalaman hidup kedua-dua orang penulis adalah berbeza dan pegangan hidup kedua-duanya juga berbeza. Implikasi kajian ini menunjukkan teori ginokritik gagasan Elaine Showalter yang diguna pakai untuk menganalisis. Penulis wanita lebih menjiwai setiap penjelmaan watak wanita di dalam karya berbanding dengan penulis lelaki.

**WORLD VIEWS OF KHADIJAH HASHIM AND N.H.DINI
IN SELECTED NOVELS**

ABSTRACT

The study's objective is to ascertain the writers' perspectives on education, career, and life partner. The research employs a qualitative approach called content analysis, which entails analysing texts from selected books in order to uncover the concerns and ideas that shape the two authors' minds. The research analyses the two writers' opinions using feminist gynocriticism. This research analyses seven books by Khadijah Hashim and N.H. Dini. The data indicate that both writers agree on the critical nature of education and career for women. Education has the potential to elevate women's position and worth in society, whereas a profession has the potential to alter women's patterns and lifestyles. However, it is clear that the two authors have divergent views on life partners. N.H. Dini concurs that males are necessary in every woman's existence. According to N.H.Dini, men's participation in women's life is a natural requirement. A woman needs at least a man as a friend, lover, spouse, and companion in order to fill the voids of life and to have children. On the contrary, Khatijah Hashim opposes the idea of males being present in women's life since women are capable of self-sufficiency. This episode occurs as a result of the fact that both writers' life experiences are distinct, since they have divergent views on the fundamentals of existence. As a result, the writers' perspectives and lives diverge. The study's conclusion is that Elaine Showalter's gynocritic theory, which was utilised to analyse Khadijah Hashim and N.H. Dini, demonstrates that only women understand women. In comparison to male authors, female authors significantly reflect women's life more realistically.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Majoriti penulis wanita menjadikan sastera sebagai wahana untuk melahirkan perasaan dan luahan hati serta protes terhadap sesuatu yang terjadi ke atas dirinya ataupun masyarakat sekitarnya. Segala bentuk sumbangan dalam penulisan kreatif memberikan impak tersendiri serta menyajikan variasi kepada pembaca untuk membuat pilihan novel dan karya yang digemari mereka. Dalam hal ini, penulis-penulis wanita mengungkapkan variasi pemikiran di dalam karya-karya yang dihasilkan oleh mereka. Isu-isu dan persoalan yang digarap bukan sahaja hal-hal yang berkisar tentang wanita tetapi juga mencakupi tema dan persoalan berhubungan dengan ekonomi, agama, budaya dan politik semasa di dalam negara. Kajian-kajian ilmiah oleh penulis wanita telah mewarnai cabang kesusasteraan di dalam sesebuah negara. Hal ini bersesuaian dengan sikap wanita yang halus dan tajam persepsinya. Malah wanita juga ialah manusia yang tekun dan tidak mudah bosan (Rogayah A Hamid, 1998: 17).

Kehadiran pengarang wanita yang semakin memberangsangkan memberi ruang kepada pengkaji untuk melihat cara pengarang wanita memainkan peranan memerihalkan karya mereka. Dalam jalur perkembangan kesusasteraan di Malaysia dan Indonesia golongan pengarang wanita memberikan sumbangan yang besar kepada khazanah sastera. Mereka menghasilkan karya untuk dijadikan saluran bagi memaparkan pengalaman hidup seorang wanita. Mereka juga memanfaatkan penulisan kreatif bagi melontarkan suara yang terpendam dalam diri ketika berdepan

dengan tanggapan serta kekangan masyarakat yang masih bertunjangkan pengaruh patriarki (Norhayati, 2015:4).

Beberapa orang penulis wanita di Malaysia boleh dikategorikan sebagai feminis yang memperjuangkan emansipasi wanita dalam konteks yang unik memandangkan sifat agrigarian dan kemantapan nilai keagamaan. Karya-karya mereka telah memecah kepompong tokoh-tokoh patriarki yang dibolot oleh tokoh penulis-penulis lelaki. Kemunculan penulis wanita telah mewarnai bidang kesusasteraan dan membuka rahsia yang terpendam dalam hati sanubari wanita. Pemerian hal wanita lebih terkesan di tangan penulis wanita.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pemikiran merujuk media yang digunakan dalam proses penyaluran informasi kepada individu lain atau sesama manusia. Aspek pemikiran merupakan elemen yang tidak dapat dipisahkan daripada manusia yang diberikan akal dan seterusnya menjadi identiti yang menunjukkan wujudnya perbezaan setiap individu. Menurut Mohd Yusof Othman (1998:59), pemikiran mempunyai pengertian yang luas dan boleh diterangkan dalam pelbagai pendekatan. Berfikir merupakan suatu usaha untuk meningkatkan pengetahuan seseorang. Oleh hal yang demikian, hanya orang yang mampu berfikir boleh melakukan perubahan dan boleh menjana aktiviti yang bersifat kreatif dan membina. Kemampuan dan keluasan berfikir tidak akan menjadikan seseorang itu stereotaip dalam tindakan dan amalannya.

Asmah Haji Omar (1986: 17) mendefinisikan pemikiran sebagai aktiviti yang tercetus dalam otak ketika berhadapan dengan sesuatu situasi, perbuatan dan sebagainya. Hasil daripada pemikiran ialah fikiran. Mohd. Michael Abdullah (1995: 1) pula menyimpulkan pemikiran ialah kemampuan seseorang untuk mencipta gagasan-gagasan dan pengertian, menilai, berhujah, serta membuat keputusan. Walaupun setiap manusia dikurniakan kemampuan berfikir tetapi keupayaan berfikir setiap orang adalah berbeza antara satu dengan yang lain. Cara menggunakan kebolehan berfikir juga berbeza antara individu.

Pemikiran dan pendapat seseorang pengarang diterjemahkan menerusi tampilan watak yang menjurus kepada perkembangan plot dan isi cerita yang digarap dengan pelbagai teknik naratif. Namun begitu, masih terdapat pembaca yang tidak dapat memahami dan mentafsir pemikiran pengarang. Hal ini disebabkan oleh penulis banyak menggunakan teknik penceritaan yang terlalu rumit seperti kekerapan dalam penggunaan teknik imbas kembali dan imbas muka dalam olahan cerita serta penggunaan gaya bahasa yang kompleks. Ekoran daripada itu, pembaca mudah terpesong daripada landasan atau hilang tumpuan terhadap mesej yang hendak disampaikan dalam sesebuah cerita. Situasi ini menjadi punca pembaca sukar untuk merungkai pemikiran sebenar pengarang yang hendak disampaikan di dalam sesebuah karya kreatif. Kekuatan sesebuah karya atau novel bukan terjelma dengan sendirinya dalam diri seseorang pengarang, tetapi bergantung kepada manfaat yang boleh diberikan dalam usaha memperkembangkan dan memperkasakan ilmu pengetahuan dan pendidikan rohani dalam proses pembangunan modal insan.

Micheal Abdullah (1995: 1) menyatakan bahawa pemikiran pengarang merupakan asas pendidikan oleh sebab kebanyakan karya yang dihasilkan mempamerkan pemikiran pengarang yang peka dengan pemerian latar kehidupan masyarakat dan berikhtiar untuk membaiki taraf kehidupan masyarakat. Sehubungan dengan itu, pembaca atau ahli masyarakat perlu lebih peka dan sensitif dengan corak pemikiran yang diilhamkan oleh pengarang melalui novel-novel yang dinukilkan. Berdasarkan perbincangan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa pemikiran pengarang mencerminkan watak dan intelektualiti penulis terhadap karya yang dihasilkan. Kreativiti seseorang penulis dikesan oleh pembaca melalui olahan pemikiran dalam karya-karya yang dihasilkan.

Malaysia telah melahirkan banyak penulis yang berbakat dan tersohor. Antaranya, Khadijah Hashim. Beliau dilahirkan pada tanggal 20 April 1946, di sebuah tempat bernama Sungai Tongkang yang terletak dalam daerah Rengit, Batu Pahat, Johor. Khadijah Hashim mendapat pendidikan awal di kampungnya dan pernah berkhidmat sebagai guru agama di Sekolah Seri Pelangi, Batu Pahat, Johor. Pada tahun 1974, beliau beralih kerjaya menjadi seorang wartawan di Kumpulan Akhbar Utusan Melayu. Sekitar tahun 1976, beliau berhijrah ke akhbar The New Straits Times. Setelah beberapa tahun berkhidmat sebagai penulis di akhbar Berita Harian, Khadijah Hashim mengambil keputusan meletakkan jawatan. K Publishing and Distributors Sdn. Bhd merupakan syarikat penerbitan yang ditubuhkan oleh Khadijah Hashim selepas meletakkan jawatan sebagai penulis akhbar.

Sekitar tahun 80-an, Khadijah Hashim merupakan antara penulis wanita yang paling aktif menghasilkan pelbagai karya kreatif. Beliau pernah menghasilkan beberapa skrip drama radio sebelum terjun ke bidang penulisan novel dan cerpen. Kehadiran

Khadijah Hashim dalam arena kesusasteraan di Malaysia telah mewarnai bidang penulisan dan penghasilan karya-karya yang bermutu di negara ini. Khadijah Hashim boleh dilabelkan sebagai pengarang wanita yang prolifik dalam perkembangan Kesusasteraan Melayu di Malaysia. Khadijah Hashim telah memperlihatkan kekuatan daya kreatif yang sentiasa berkembang dan bersifat penerokaan. Proses penciptaan karya kreatifnya diadun dengan pelbagai pengalaman yang diperoleh secara tidak langsung melalui pengalaman kerjayanya, amalan dan gaya hidupnya, pendidikan, pembacaan, dan hubungan kekeluargaan (Rogayah A. Hamid, 1998).

Nama Khadijah Hashim dalam bidang penulisan mula dikenali apabila novel garapan beliau, *Badai Semalam* yang diterbitkan pada tahun 1968 oleh Pustaka Nasional Singapura mendapat sambutan hangat daripada pembaca. Novel *Badai Semalam* bukanlah novel pertama yang dihasilkan oleh Khadijah Hashim. Novel yang pertama dihasilkan oleh Khadijah Hashim tidak berjaya menarik perhatian masyarakat ketika itu. Novel *Badai Semalam* telah menjulang nama Khadijah Hashim dalam arena penulisan novel. Rentetan daripada kejayaan novel ini, nama Khadijah Hashim terus meniti di bibir peminat novel. Karya demi karya nukilan Khadijah Hashim terus mendapat sambutan yang menggalakkan. Novel ini pernah dijadikan sebagai teks wajib dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di Malaysia dan peringkat 'O' Level di Singapura. Novel ini juga diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris dengan tajuk, *Storm of Yesterday*.

Khadijah Hashim juga aktif menulis cerpen. Antaranya *Mawar Merah di Jambangan*, *Rahsia Gadis Bisu*, *Angin dari Sawah*, *Segeluk Air*, *Hadiah Ratu Cantik* dan *Angin Senja*. Beberapa buah novel dan cerpennya telah diadaptasi ke drama

televisyen (*Mawar Merah di Jambangan, Sekapur Sireh Segeluk Air, Di Tepi Pagar, Dekat di Sayang*). Novel beliau *Laila Azwa Gadisku* pula telah diadaptasikan ke telefilem manakala *Pelangi Pagi* pula diadaptasikan ke filem *Bicara Hati*. Khadijah Hashim juga berjaya menghasilkan beberapa buah buku pantun iaitu *808 Pantun Baru* dan *1001 Pantun Baru*. Salah sebuah bukunya, *Sayang Anakku Sayang* telah dicalonkan ke International Board on Books for Young People (IBBY) di Basel, Switzerland (2002) dan buku *Semerbak Puisi* di Macau, China (2006).

Menurut Rosnah, di dalam bukunya *Wanita Melayu dan Sastera* (2003), keupayaan Khadijah Hashim menghasilkan novel semenjak tahun 1968 banyak bergantung kepada ketekunannya menghasilkan novel dan beberapa faktor yang ada pada novel itu sendiri menyebabkan beliau menjelma menjadi pengarang yang terkenal di Malaysia. Rogayah A. Hamid di dalam artikelnya yang bertajuk "Wanita dan Penulisan: Suatu Tinjauan dalam Dunia Penerbitan Buku" (*Dewan Sastera*, 1998) menyatakan bahawa Khadijah Hashim merupakan seorang novelis yang prolifik ekoran keproduktifannya menghasilkan karya. Pendapat ini disokong oleh Khadijah Hashim yang telah berjaya memberikan sumbangan yang bermutu kepada kesusasteraan tanah air apabila berjaya menghasilkan novel *Bila dan Dimana* (Adibah Amin, 1998).

Khadijah Hashim pernah menyertai Peraduan Mengarang Novel Sempena 10 Tahun Merdeka dan memenangi hadiah sagu hati untuk novelnya *Merpati Putih Terbang Lagi*. Kejayaan yang dicapai oleh Khadijah Hashim sebagai seorang penulis dapat diukur daripada jumlah cerpen yang dimenangi beliau semasa Hadiah Karya Sastera. Pada tahun 1971, beliau memenangi Hadiah Karya Sastera untuk tiga buah

cerpen iaitu “Kasih Entah di Mana” (*Utusan Zaman*, 10 November 1971), “Sekapur Sirih Segeluk Air” (*Berita Minggu*, 11 April 1971) dan “Budi yang Tak Terbeli” (*Wanita*, Mei 1971). Kemudian, sekitar tahun 1974 dan 1975, Khadijah Hashim memenangi Hadiah Karya Sastera lagi dengan cerpen-cerpen “Bila Ayah Mogok” (*Utusan Zaman*, 10 Mac 1974), “Mawar Merah di Jambangan” (*Mastika*, September 1975) dan “Tuah Orang” (*Mastika*, Mac 1975).

Khadijah Hashim juga menunjukkan bakatnya dalam penulisan cerpen. Kebanyakan cerpen nukilan Khadijah Hashim berkisar tentang isu-isu dan persoalan kekeluargaan. Khadijah Hashim memperlihatkan sikapnya terhadap keharmonian dan kedamaian hidup di desa dan membenci kekalutan hidup kota. Kebanyakan cerpen dan novel garapan Khadijah Hashim sentiasa mempunyai amanat yang ingin disampaikan khususnya kepada golongan remaja dan belia. Meskipun cerpennya menggambarkan kehidupan normal sesebuah keluarga, namun masih terasa tujuan penulis yang mahukan pembacanya berfikir lebih jauh dan mendalam terhadap amanat yang ingin disampaikan. Inilah antara keistimewaan Khadijah Hashim dalam menghasilkan sesebuah cerita yang sekali imbas tampak sederhana tetapi sebenarnya mempunyai makna yang tersirat. Setelah ditinjau sumbangan yang telah diberikan, ternyata Khadijah Hashim telah mewarnai dunia kesusasteraan Melayu dengan lukisan-lukisan watak dan cerita yang agak berbeza dengan penulis ketika itu dan ternyata beliau berpotensi besar untuk menghasilkan karya yang kreatif dan menakjubkan.

Setiap kali karya baharunya terbit, hasilnya tidak pernah mengecewakan. Karyanya sering mendapat sambutan, sama ada dalam kalangan pembaca dewasa mahupun

remaja. Beliau masih aktif dalam penulisan kreatif sehingga kini dan berterusan mewarnai dunia sastera tanah air. Pada masa kini, kebanyakan karya beliau diterbitkan oleh syarikat penerbitan miliknya sendiri. Khadijah Hashim berusaha dan berjaya membukukan semua cerpen nukilannya secara bersiri di dalam akhbar-akhbar tempatan. Antara cerita yang dibukukannya ialah *Mira Edora* dan *Dekat Disayang Jauh Dikenang*, malahan novelnya *Dekat Disayang Jauh Dikenang* mendapat sambutan apabila diadaptasi menjadi sebuah drama dan disiarkan di kaca televisyen. Sehingga kini, tidak kurang daripada 13 buah buku remaja, 18 buah novel dan tujuh kumpulan cerpen telah dihasilkannya.

Bakat Khadijah Hashim tidak terbatas kepada penulisan novel dan cerpen sahaja. Beliau juga aktif mengarang pantun. Beliau telah berjaya menerbitkan *Mestika Pantun* (2005) yang merupakan koleksi pantunnya yang terdiri daripada 808 rangkap. Selain daripada itu, Khadijah Hashim juga berbakat dalam bidang seni lukis dan pernah mengadakan pameran sulungnya di ibu kota. Bakat seni dan kegigihan Khadijah Hashim tidak sia-sia apabila beliau telah terpilih ke Iowa, Amerika Syarikat untuk menyertai Program Penulisan Antarabangsa (IWP) pada tahun 1994. Detik ini telah menjadi satu detik indah dalam hidupnya dan merupakan satu pengiktirafan untuknya.

Menurut Razali Che Mat (1999: 33), Khadijah Hashim bukan setakat menulis novel dewasa dan remaja, skrip drama, malah buku kanak-kanak. Setakat ini, terdapat 13 buah buku kanak-kanak telah dihasilkan. Dalam penulisan cerpen pula, dia menghasilkan sebanyak 14 buah kumpulan cerpen dan enam buah antologi cerpen remaja. Khadijah Hashim turut menghasilkan dua buah buku pantun iaitu 808 Pantun

Baru (1997) dan 1001 Pantun Baru (1999) serta dua buah buku umum Panduan Menulis Skrip Drama Radio (1986) dan Catatan Ilmu (1989). Karya Khadijah Hashim juga telah diterjemahkan ke bahasa Inggris, yaitu *The White Doves Flies Again* terjemahan Harry Aveling, *Stroms of Yesterday* (Mahani Abdu Hamid) *Exiled* (Adibah Amin) dan *The Wave of Life* (Christine Campbell).

Sepanjang penglibatannya dalam bidang penulisan, Khadijah Hashim banyak memenangi hadiah sayembara penulisan. Antaranya, beliau memenangi hadiah sagu hati bagi novel *Merpati Putih Terbang Lagi* dalam Peraduan Mengarang Novel Sayembara 10 Tahun Merdeka dan Hadiah Mobil-Mabopa (1996). Novel *Exiled* dicalonkan untuk Hadiah Sastera Dublin (1996). Dalam genre cerpen pula, banyak hadiah sayembara dimenangi oleh Khadijah Hashim, antaranya pada tahun 1971, 1974 dan 1975. Kebanyakan karya yang dihasilkan oleh Khadijah Hashim mendapat sambutan yang meluas dalam kalangan pembaca dewasa, remaja dan kanak-kanak. Penglibatannya yang konsisten dalam dunia kreatif mewajarkan beliau menerima S.E.A Write Awards (1999).

Tidak kurang hebatnya dalam mengutarakan isu-isu wanita ialah pengarang Indonesia, Nurhayati Sri Hardini Siti Nukatin atau lebih dikenali sebagai N.H. Dini. Beliau digelar sasterawati tiga zaman. Beliau dilahirkan pada 29 Februari 1936 di Semarang, Jawa Tengah, Indonesia. Beliau merupakan anak bongsu daripada lima orang adik beradik. N.H. Dini mendapat pendidikan awal di SD Semarang pada tahun 1950. Kemudian, beliau melanjutkan pelajaran hingga SMA di Semarang. Beliau telah menghembuskan nafas terakhirnya pada 4 Disember 2018 ketika berusia 82 tahun. Bakat menulis N.H. Dini telah tumbuh ketika beliau berusia sembilan tahun.

Ibunya merupakan insan yang memberikan saranan dan dorongan kepada N.H.Dini agar menulis segala pengalaman dan perasaannya ke dalam buku catatan harian. Semasa hayatnya, beliau pernah berkhidmat sebagai pramugari dengan syarikat penerbangan Indonesia iaitu Garuda sekitar tahun 1956 hingga 1960. N.H. Dini merupakan sasterawan wanita di Indonesia yang menonjol pada era tahun 1980-an. Ciri-ciri novel yang digarap oleh N.H. Dini banyak berkisar tentang watak wanita yang terpengaruh dengan budaya barat dan sering digambarkan menghadapi konflik pemikiran budaya timur dan barat.

N.H. Dini telah memberikan sumbangan yang sangat penting bagi pertumbuhan dan perkembangan sastera di Indonesia. N.H. Dini telah menjadi penulis selama 70 tahun. Oleh itu, sumbangan beliau dalam bidang kesusasteraan Indonesia sangat besar dan menjadi penulis yang tersohor di Indonesia. N.H. Dini mula menulis pada tahun 1951 ketika beliau masih menuntut di kelas II SMP. *Pendurhaka* ialah karya awalnya yang disiarkan di dalam majalah *Kisah* dan mendapatkan sorotan daripada HB. Jasin. Sekitar tahun 1956, ketika beliau masih di SMA, beliau menghasilkan cerpen *Dua Dunia*.

Sebahagian besar novel yang dihasilkan oleh N.H. Dini diterbitkan oleh syarikat penerbitan PT. Gramedia dan Pustaka Utama. Antaranya ialah siri Cerita Kenangan *Sebuah Lorong di Kotaku* (1978), *Padang Ilalang di Belakang Rumah* (1979), *Langit dan Bumi Sahabat Kami* (1988), *Sekayu* (1981), *Kuncup Berseri* (1996), *Kemayoran* (2000), *Jepun Negerinya Hiroko* (2001), *Dari Parangakik ke Kampuchea* (2003), *Dari Fontenay ke Magallianes* (2005), dan novel-novel lain iaitu *Pada Sebuah Kapal* (1985), *Pertemuan Dua Hati* (1986), *Namaku Hiroko* (1977), *Keberangkatan* (1977), dan *Tirai Menurun* (1993). Selain itu, terdapat juga novel-novelnya yang

diterbitkan oleh penerbit lain seperti novel *La Barka* (1975) dan *Orang-Orang Tran* (1993). N.H. Dini juga menulis novel yang berjudul *Hati yang Damai* (1961), kumpulan cerita pendek antara lain *Tuileries* (1982), *Segi dan Garis* (1983), *Monumen* (2002), *Istri Konsul* (2002), *Pencakar Langit* (2003), *Janda Muda* (2003), serta biografi Amir Hamzah berjudul *Pangeran dari Seberang* (1981). Di samping penghasilan novel dan cerpen, N.H. Dini juga turut menterjemahkan beberapa buah novel Perancis berjudul *La Peste* karya Albert Camus (*Sampar*, 1985) dan *Vingt Mille Lieues sous le Mers* karya Jules Verne (*20.000 Mil di Bawah Lautan*, 2004). Karya terakhir N.H. Dini ialah *Gunung Ungguran* diterbitkan pada bulan April 2018.

Sebagai sasterawan wanita, N.H. Dini sangat dikenali oleh masyarakat Indonesia dan beberapa kali mendapat penghargaan, antaranya, “Hadiah Seni untuk Sastera” dari Departmen Pendidikan dan Kebudayaan (1989), “Bhakti Upapradana” (Bidang Sastera) dari Pemerintah Daerah Jawa Tengah (1991), ”Hadiah Seni” dari Dewan Kesenian Jawa Tengah (2003), dan “SEA WRITE Awards” di Bangkok, Thailand. N.H. Dini merupakan pengarang wanita Indonesia pertama yang menjadi acuan bagi sasterawan-sasterawan wanita Indonesia yang lain. Kemampuan N.H. Dini menulis novel sangat dibanggakan kerana keberaniannya mengungkapkan segala peristiwa secara luas, begitu juga penggunaan bahasanya.

Menurut Sumardjo (1991:145), N.H. Dini merupakan penulis novel yang terpenting di Indonesia kerana tidak ada penulis wanita yang lain yang dapat menandingi kualiti karya yang dihasilkan oleh N.H. Dini. Beliau digelar “Ratu Pengarang Indonesia”. Novel-novel yang dihasilkan oleh beliau telah dijadikan teks wajib untuk pelajar

pelajar sekolah menengah. Novel *Namaku Hiroko* telah diadaptasikan menjadi filem dan mendapat sambutan yang hangat. Selain itu, kebanyakan novel yang dihasilkan oleh N.H. Dini kerap diulang cetak dan terdapat beberapa buah novel hasil nukilan N.H. Dini telah diterjemahkan ke dalam bahasa asing. Karya-karya N.H. Dini turut mendapat perhatian sarjana dalam kajian-kajian mereka.

Arwan Tuti Arta (1996: 8), memuji N.H. Dini sebagai penulis yang aktif dan konsisten dalam berkarya, meskipun sudah mendirikan rumah tangga. Beliau tetap meneruskan minatnya dengan menghasilkan karya-karya yang bermutu. Hal ini telah menolak dakwaan bahawa penulis wanita akan berhenti berkarya selepas berumah tangga. N.H. Dini juga merupakan pengarang yang produktif sepanjang masa. N.H. Dini memiliki cara tersendiri dalam menghadirkan peristiwa dalam karya sastera. Kecerdasan dalam merespon fenomena masyarakat menjadikan karyanya memiliki keistimewaan (Endraswara,2016:9).

Kajian ini memilih dan membandingkan kedua-dua orang pengarang ini kerana kedua-dua penulis ini sangat tersohor di negara masing-masing serta mempunyai pengalaman hidup yang luas. N.H. Dini pernah menetap di beberapa buah negara barat kerana mengikut suaminya yang bertugas sebagai duta di kedutaan Perancis. Khadijah Hashim juga pernah menetap seketika di Amerika Syarikat semasa mengikuti kursus penulisan. Kedua-dua figura dilihat mempunyai cakupan pengalaman hidup yang luas yang merentasi benua. Selain daripada itu, kajian ini memilih kedua-dua figura ini kerana kedua-dua mereka menulis dalam dekad yang sama dan konsisten menulis tentang isu-isu wanita dalam setiap karya mereka. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan merungkai aspek pemikiran kedua-dua

orang pengarang ini dalam menggarap isu-isu berkaitan dengan masyarakat dan kehidupan khususnya tentang wanita. Kedua-dua pengarang ini banyak menghasilkan karya yang membebaskan wanita daripada patriarki lelaki. Hampir kesemua tema yang digarap oleh kedua-dua pengarang ini melahirkan rasa kekecewaan, protes terhadap ketidakadilan yang menimpa wanita dalam sistem masyarakat. Kedua-dua pengarang mengzahirkan perasaan kesedihan, kerimasan, ketidakpuasan hati, perasaan gundah gulana menerusi suara pena.

1.3 Permasalahan Kajian

Kajian ini meninjau pemikiran pengarang iaitu Khadijah Hashim dan N.H. Dini dalam karya-karya yang digarapkan oleh mereka. Pemikiran merupakan pusat utama atau gagasan seseorang penulis memperlihatkan perjuangan mereka menerusi hasil-hasil seninya (Baha Zain, 1991: 18-21). Khadijah Hashim merupakan figura hebat dalam arena kesusasteraan di Malaysia dan cukup terkenal dengan penghasilan novel-novel yang sentiasa dinantikan oleh peminatnya. Beliau merupakan seorang pengarang wanita yang prolifik kerana telah menghasilkan banyak karya dalam penulisan cerpen dan novel (Rogayah A. Hamid, 1998). Khadijah Hashim dan N.H. Dini merupakan tokoh penting dalam dunia kesusasteraan di Malaysia dan Indonesia. Walaupun terdapat penulis wanita yang lain, namun Khadijah Hashim dan N.H. Dini dilihat mempunyai keistimewaan dan kekuatan yang tersendiri dalam menghasilkan karya-karya yang bermutu dan sentiasa mengangkat martabat wanita dalam masyarakat dan menyedarkan kaum wanita agar berusaha memajukan diri agar tidak dianggap lemah dan menidakkan sistem patriarki dalam masyarakat.

Khadijah Hashim dan N.H. Dini dilihat begitu mengambil berat isu pendidikan kepada wanita. Dalam karya-karya yang dihasilkan, Khadijah Hashim dan N.H. Dini sering mengutarakan isu-isu dan persoalan kepentingan pendidikan kepada wanita. Selain daripada, persoalan tentang pendidikan Khadijah Hashim dan N.H. Dini tidak ketinggalan sering membicarakan kepentingan kerjaya kepada wanita dalam karya-karya mereka. Aspek pasangan hidup turut diberi tumpuan dalam karya-karya yang dihasilkan oleh Khadijah Hashim dan N.H. Dini.

Kajian lepas tentang pemikiran di dalam novel Khadijah Hashim pernah dilakukan oleh Masrizayu Mustafa (2006). Kajian beliau hanya memberikan tumpuan tentang pemikiran dalam aspek sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik dan perkaitannya dengan masyarakat.

Siti Khariah dan Aisyah (2014) juga pernah mengkaji tentang pemikiran Khadijah Hashim di dalam novel *Badai Semalam* dan *Laila Azwa Gadisku*. Namun, kajian ini hanya bertumpu kepada dua buah novel iaitu *Badai Semalam* dan *Laila Azwa Gadisku* dan menganalisis empat pemikiran iaitu pemikiran kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan dan kekreatifan dalam Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K. Dapatan kajian mendapati teori SPB4K yang digunakan mewujudkan kesedaran dalam diri beliau dalam membangunkan sahsiah remaja. Selain itu, Siti Khariah Mohd Zubir (2004) juga ada menganalisis novel *Badai Semalam* dan *Di Tengah Kabus* karya Khadijah Hashim dalam kajiannya tentang citra wanita di dalam novel-novel Melayu daripada perspektif pengarang wanita.

Kajian beliau menjurus kepada aspek sosiopolitik, sosioekonomi, sosiobudaya dan watak yang memperjuangkan emansipasi wanita. Dapatan kajian ini memperlihatkan pelbagai citra wanita digarap oleh penulis wanita, antaranya berwawasan tinggi,

berkarisma, kegigihan wanita dan wanita yang berani menuntut hak kebebasan. Begitu juga dengan N.H. Dini, penulis yang prolifik dari Indonesia. Sama seperti Khadijah Hashim, N.H. Dini juga mempunyai nama yang tersohor dalam kalangan peminat sastra Indonesia. Sehubungan dengan itu, novel-novel karya beliau turut menjadi sasaran pengkaji-pengkaji di Indonesia, antaranya, Cika Siska (2013) yang melakukan kajian tentang ketidakadilan gender dalam novel *Namaku Hiroko*.

Kajian yang dijalankan oleh Cika Siska memfokuskan permasalahan gender yang dimanifestasikan ke dalam lima bentuk. Pertama, marginalisasi punca berlaku kemiskinan dalam keluarga. Kedua, stereotaip iaitu menganggap perempuan mudah digoda dengan material, dan perempuan yang berbadan gemuk dianggap hodoh. Ketiga, subordinasi kedudukan wanita lebih rendah daripada lelaki. Keempat, kekerasan yakni tekanan fizikal dan mental yang dihadapi wanita. Kelima, beban tugas dalam sektor pekerjaan. Namun begitu, kajian Cika Siska ini tidak menyentuh aspek pemikiran pengarang. Rentetan daripada kajian Cika Siska, kajian ini dilakukan untuk mengkaji pemikiran pengarang dalam karya-karya terpilih untuk memperbanyakkan dan meluaskan kajian-kajian tentang wanita. Pengamatan juga dijalankan terhadap tesis Sariyati Nadjamudin (2002) yang membuat kajian tentang permasalahan wanita di dalam novel *La Barka* (LB) karya N.H. Dini. Dapatan kajiannya hanya memperlihatkan kewujudan permasalahan wanita seperti cinta segi tiga, pembahagian kerja secara seksual dan perbezaan sosiobudaya daripada perkahwinan campur.

Begitu juga dengan Ezra Mayalia Simatuptang (2009) dalam kajiannya hanya memberikan tumpuan kepada citra tokoh perempuan yang terdapat dalam novel *Pada Sebuah Kapal* dari segi fizikal, mental dan sosial. Kajiannya mendeskripsikan citra

wanita yang ditonjolkan oleh N.H.Dini di dalam novel *Pada Sebuah Kapal* dan mengenal pasti faktor-faktor yang terkandung dalam citra tersebut. Setelah penelitian dijalankan, pengkaji mendapati kajian tentang N.H. Dini masih belum meluas terutama dalam aspek pemikiran pengarang. Antara saranan kajian lanjutan oleh Ezra Mayalia Simatuptang ialah pelbagai aspek perlu diberikan penekanan terutama sekali aspek pemikiran pengarang. Masrizayu Mustafa turut menyarankan kajian lanjutan dalam aspek pemikiran Khadijah Hashim kerana masih berkurangan dan belum meluas. Bertitik tolak daripada saranan ini serta kajian-kajian terdahulu, kajian ini dijalankan untuk merungkai pemikiran N.H. Dini dan membuat perbandingan dengan Khadijah Hashim di dalam novel-novel yang telah dihasilkan oleh mereka.

Kajian perbandingan antara penulis Malaysia dengan penulis Indonesia juga pernah dilakukan oleh Chin Hye Run (1997) yang membandingkan Khadijah Hashim dengan Marga T dalam aspek rumah tangga, hubungan dengan lelaki dan sikap keibuan. Djusmalinar (2013) turut melakukan kajian tentang relasi gender di dalam novel terpilih Malaysia dan Indonesia. Namun, kajian ini hanya tertumpu kepada permasalahan gender dalam isu-isu berkaitan dengan politik, ekonomi, sosial, undang-undang dan sastera.

Seterusnya, pengamatan beralih kepada tesis yang dihasilkan oleh Nurhadi (2007) yang melabelkan karya-karya N.H. Dini kontroversi dari segi kaedah dan teknik penulisan novelnya. N.H. Dini dianggap menyimpang daripada tema dan persoalan genre-genre pada ketika itu. Penyimpangan ini dianggap berani dan membuka aliran baharu dalam penulisan novel ketika itu. Namun begitu, Medy Loekita (2005) berpendapat bahawa penulis perempuan yang menggarap dan mengutarakan unsur-

unsur seks di dalam karya mereka dan melanggar norma-norma masyarakat ketika itu, hanya mementingkan keuntungan dan material. Dalam budaya Indonesia, wanita dilarang untuk mengucapkan kata-kata yang tidak sopan dalam perbualan atau kata-kata yang tidak sesuai untuk dituturkan oleh wanita. Pembatasan ini secara tipikal tidak diperlakukan terhadap lelaki. Untuk itu, pengarang wanita yang sering mengangkat dan mengeksploitasi isu-isu sensitif, termasuk isu seksual, dianggap kurang intelek dan sangat tidak keperempuanan (Ningrum Dewojati, 2006: 92).

Bertitik tolak daripada pendapat dan dapatan kajian yang lalu, kajian ini adalah untuk menyingkap dan menghalusi pemikiran Khadijah Hashim dan N.H. Dini menerusi karya yang dihasilkan oleh mereka. Walaupun kedua-dua orang penulis mempunyai kebebasan dalam menyatakan pemikiran, namun timbul persoalan sama ada pemikiran yang diungkapkan mempunyai persamaan atau perbezaan dalam aspek pendidikan, kerjaya dan pasangan hidup. Dalam hal ini, penelitian perlu dilakukan bagi mengenal pasti persamaan dan perbezaan pemikiran dalam aspek pendidikan, kerjaya dan pasangan hidup di dalam novel-novel yang dihasilkan oleh Khadijah Hashim dan N.H. Dini.

Kajian ini juga tercetus ekoran kajian-kajian terdahulu yang pernah dilakukan oleh pengkaji terdahulu tentang citra wanita di tangan penulis wanita. Norhayati Ab. Rahman (2005) telah menganalisis beberapa buah novel Malaysia dan Indonesia daripada beberapa orang penulis untuk membuktikan proses pemikiran dan penciptaannya ialah berhubung dengan pengalaman dan imaginasi pengarangnya. Puitika sastera dalam kalangan pengarang wanita di Malaysia dan Indonesia berpaksikan pengalaman, kreativiti dan imaginasi yang berhubung rapat dengan aspek biologi, bahasa, psikologi dan budaya yang melingkungi kehidupan wanita.

Berlandaskan dapatan kajian Norhayati yang membuktikan terdapat keselarasan pemikiran pengarang di Malaysia dan Indonesia, maka kajian ini merupakan inisiatif untuk merungkai keselarasan pemikiran pengarang dengan lebih terperinci dengan memberikan fokus kepada dua orang pengarang iaitu Khadijah Hashim dan N.H. Dini. Tumpuan diberikan kepada aspek pendidikan, kerjaya dan pasangan hidup yang ingin disampaikan oleh kedua-dua orang pengarang di dalam karya-karya mereka.

Berdasarkan persoalan-persoalan yang ditimbulkan itu, kajian ini bertujuan membongkar persamaan dan perbezaan pemikiran pengarang yang tercetus dan berlaku walaupun kedua-dua orang pengarang mempunyai latar belakang, pengalaman dan gaya hidup yang berbeza. Hal ini sejajar dengan teori perbandingan yang menyatakan persamaan idea akan terdapat antara karya yang dihasilkan. Selain itu, kajian yang membandingkan aspek pemikiran pendidikan, kerjaya dan pasangan hidup di dalam novel-novel Khadijah Hashim dan N.H. Dini masih belum dirungkai dengan terperinci dan perlu diberikan perhatian.

1.4 Objektif Kajian

Objektif pertama kajian ini adalah untuk menganalisis persamaan dan perbezaan pemikiran pendidikan yang diutarakan oleh Khadijah Hashim dan N.H. Dini di dalam novel-novel pilihan dengan menggunakan model-model dalam teori ginokritik. Terdapat banyak novel yang digarap oleh kedua-dua orang penulis ini mengutarakan isu tentang kepentingan pendidikan kepada wanita. Kajian ini bertujuan mengenal pasti persamaan dan perbezaan idea kedua-dua orang pengarang yang mementingkan

isu-isu pendidikan di dalam karya-karya mereka. Beberapa buah novel yang ditulis oleh Khadijah Hashim dan N.H. Dini telah dijadikan bahan kajian.

Selain itu, kedua-dua orang pengarang ini dilihat sering mengutarakan watak utama yang bekerjaya dan sering berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan. Sehubungan dengan itu, objektif kedua kajian ini adalah untuk menganalisis persamaan dan perbezaan pemikiran tentang kepentingan kerjaya dalam kehidupan seseorang wanita dengan menggunakan model-model dalam teori ginokritik. Kajian ini telah memiih beberapa buah novel yang ditulis oleh Khadijah Hashim dan N.H. Dini sebagai bahan kajian.

Selain itu, kedua-dua orang pengarang sering mengutarakan isu-isu berkaitan dengan pasangan hidup di dalam karya-karya mereka. Wanita di dalam karya- karya kedua-dua orang penulis ini dicitrakan sebagai wanita yang aktif, berani bercakap, bijak berkomunikasi dan tidak hanya berdiam diri. Seterusnya, objektif ketiga kajian ini adalah untuk menganalisis persamaan dan perbezaan pemikiran Khadijah Hashim dan N.H. Dini tentang kepentingan pasangan hidup kepada wanita di dalam novel-novel yang dikaji dengan menggunakan empat model dalam teori ginokritik.

1.5 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan pendedahan yang lebih luas kepada para sarjana, pelajar dan penggiat sastera di Malaysia dan Indonesia tentang pelukisan karya-karya oleh Khadijah Hashim dan N.H. Dini yang berunsurkan feminisme. Di samping itu, kajian ini dapat memaparkan pandangan, suara, keinginan, hasrat wanita yang selama ini diberikan gambaran stereotaip oleh

pengarang lelaki. Selain itu, kajian ini dapat menjelaskan teori feminis di dalam karya-karya penulis wanita kepada golongan pendidik dalam proses pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan di Malaysia dan Indonesia serta menjadi sumber inspirasi terutama kepada wanita dalam menghadapi era globalisasi.

Kajian ini juga dapat memberikan sumbangan dan memperbanyak khazanah didalam kajian novel di dalam negara di samping menambahkan koleksi dan rujukan yang berguna dan bermanfaat kepada para sarjana dan tenaga pengajar di universiti dan sekolah. Seterusnya, kajian ini dapat dijadikan landasan dalam perbandingan dua orang penulis dari dua buah negara yang berbeza serta memperlihatkan persamaan dan perbezaan idea penulis dalam melahirkan karya berunsurkan feminisme. Kajian ini juga diharapkan dapat membantu para sarjana dan pelajar di kedua-dua buah negara bagi menghasilkan karya yang lebih bermutu dan berkualiti serta memartabatkan bidang kesusasteraan sekali gus memajukan bidang kesusasteraan tanah air.

1.6 Batasan Kajian

Kedua-dua orang penulis ini telah menghasilkan puluhan novel dengan pelbagai persoalan. Namun begitu, kajian ini hanya memberikan tumpuan kepada tujuh buah novel yang dihasilkan oleh Khadijah Hashim dan N.H. Dini yang mewakili setiap zaman penulisan mereka untuk dijadikan bahan kajian. Pemilihan ini dilakukan berdasarkan pemikiran mereka yang jelas terhadap wanita di samping faktor novel-novel tersebut sering mendapat perhatian sarjana. Selain itu, pemilihan novel ini juga berdasarkan beberapa sebab, antaranya novel yang popular dan sering diperkatakan oleh pengkritik lain dan memaparkan isu yang lebih sesuai untuk dijadikan bahan

kajian. Dalam kajian ini juga, pengkaji telah menggunakan novel-novel Khadijah Hashim yang terkini dan novel-novel itu telah dihasilkan sekitar tahun 60-an hingga 90-an. Pengkaji telah menganalisis tujuh buah novel, iaitu *Badai Semalam* (1968), *Di Tengah Kabus* (1980), *Mira Edora* (1984), *Cinta Kedua* (1988), *Senator Adila* (1993), *Pelangi Pagi* (1971) dan *Mencari Azizah* (1998). Pengkaji memilih novel-novel ini sebagai bahan kajian berdasarkan paparan isu yang terkandung di dalamnya. Kupasan idea dan persoalan amat sesuai dengan kehendak kajian ini.

Sebanyak tujuh buah novel yang dihasilkan oleh N.H. Dini yang digunakan dalam analisis teks kajian ini. Antaranya ialah *Pada Sebuah Kapal* (1972), *Namaku Hiroko* (1977), *Pertemuan Dua Hati* (1986), *Jepun Negerinya Hiroko* (1970), *Hati yang Damai* (1976), *Padang Ilalang di Belakang Rumah Kami* (1979), dan *Jalan Bandungan* (1989). Novel-novel ini dipilih berdasarkan isu yang diutarakan oleh penulis di dalam karya ini sangat menarik dan mempunyai mesej yang tersirat yang cuba disampaikan oleh pengarang. Sinopsis novel-novel kajian terdapat di dalam lampiran tesis.

1.7 Kerangka Teori

Kajian ini menggunakan dua teori untuk menganalisis teks-teks terpilih. Teori yang digunakan ialah teori kesusasteraan bandingan dan teori feminis. Kedua-dua teori ini akan dibincangkan dan huraian yang lebih terperinci dalam bab 2.

Teori kesusasteraan bandingan merupakan salah satu disiplin dalam kajian kesusasteraan. Teori ini bermula di negara Eropah dan merebak hingga sampai di India, Jepun, Asia Tenggara dan Amerika Selatan.

Kajian ini terangkum dalam disiplin kesusasteraan bandingan dengan tumpuan terhadap pemikiran pengarang di dalam novel yang telah dipilih. Menurut Gatson (1991), keperluan kajian yang dijalankan itu melampaui batas sesebuah kelompok atau masyarakat dalam usaha membanding dan mencari persamaan yang mungkin tersembunyi dalam dunia kesusasteraan masing-masing.

Menurut Henry (1990), sastera bandingan merupakan kajian sastera di luar batas sesebuah negara, yakni membandingkan karya sastera sebuah negara dengan sebuah negara yang lain. Berdasarkan pandangan sarjana kesusasteraan bandingan dan rumusan tersebut, jelas bahawa kajian ini merujuk kepada kesusasteraan bandingan, iaitu membandingkan antara karya penulis Malaysia dengan penulis Indonesia. Perbandingan yang jelas antara dua orang penulis ini hanya berlaku jika isu tertentu dibahaskan.

Dalam hal ini, kajian akan memberikan penekanan terhadap hal-hal yang berkaitan dengan isu wanita kerana kedua-dua orang pengarang ini telah memberikan tumpuan yang khusus terhadap wanita. Memandangkan sehingga kini belum ada kajian yang dilakukan terhadap pemikiran Khadijah Hashim dan N.H. Dini dalam isu wanita, maka kajian ini akan membuat penerokaan dan menjadi perintis dalam hal tersebut.

Apabila isu wanita dijadikan elemen penting dalam memperlihatkan dan memaparkan pemikiran kedua-dua orang pengarang ini, maka tidak dapat tidak, teori feminis akan digunakan dalam membuat analisis dengan terperinci. Walau bagaimanapun, dalam mengaplikasikan teori ini di dalam karya-karya sastera wanita di alam Melayu, mungkin terdapat unsur-unsur dalam model-model tersebut yang bercanggah atau tidak sesuai dengan corak penulisan wanita Timur. Oleh hal yang demikian, penyesuaian perlu dilakukan agar selaras dengan suasana budaya, latar

sosial pengarang, politik dan persekitaran serta latar setempat iaitu Indonesia dan Malaysia.

Teori feminis digunakan untuk menganalisis karya-karya pilihan. Teori feminis mementingkan persamaan antara laki-laki dengan perempuan dalam bidang politik, ekonomi, dan sosial. Teori feminis berpusarkan wanita (women-centered), dan menjadikan isu wanita sebagai isu utama dalam perbincangan. Selain itu, feminis merupakan kesedaran terhadap ketidakadilan gender yang menimpa kaum perempuan, baik dalam keluarga mahupun masyarakat. Feminis sebagai jambatan untuk menuntut persamaan hak antara lelaki dengan perempuan. Tujuan teori feminis adalah untuk meningkatkan darjat dan menyetarakan kedudukan perempuan agar dapat dianggap setara dengan lelaki. Melalui gerakan feminis, kaum perempuan menuntut agar kesedaran sistem yang selalu memarginalkan perempuan dapat diubah sehingga keseimbangan yang terwujud ialah keseimbangan yang dinamis. Feminis menganggap dominasi patriarki merupakan penyebab utama ketidakadilan gender yang menimpa perempuan. Oleh sebab itu, teori feminis diharapkan dapat mengubah pandangan yang telah melekat dalam kehidupan bermasyarakat tentang perempuan yang selalu dianggap sebagai kaum nombor dua.

Pada akhir abad ke-19, pendokong idea atau gagasan feminisme seperti Margaret Fuller dan Jane Adams mengetengahkan sifat-sifat positif yang ada pada diri dan peribadi wanita. Mereka menyatakan bahawa masyarakat sangat memerlukan sifat-sifat yang ada pada wanita seperti kasih sayang, keadilan, kedamaian, tidak suka bergaduh bagi tujuan pentadbiran negara dan penyelesaian konflik. Tambah mereka lagi, perbezaan gender telah menidakkan keterlibatan dan sumbangan wanita secara

positif dalam masyarakat. Sekiranya perbezaan tidak diwujudkan, lelaki dan wanita dapat saling melengkapi antara satu sama lain.

Teori Feminis dipilih ialah teori ginokritikan yang dipelopori oleh Elaine Showalter. Teori ini memperjuangkan hak wanita untuk mendapatkan tempat dan hak yang setaraf dengan lelaki. Teori ini secara umumnya sering ditanggapi secara negatif oleh sebahagian masyarakat di alam Melayu, namun hal ini tetap mempunyai nilai dan kepentingannya yang tersendiri, khususnya dalam konteks wacana, disiplin dan ilmu kritikan sastera.

Teori feminis, khususnya teori ginokritik dapat digunakan sebagai wahana baharu untuk mengkaji karya dari perspektif wanita. Teori ini diguna pakai untuk memberikan ruang kepada pengkritik untuk menilai citra wanita dalam karya-karya yang dihasilkan oleh penulis wanita. Ginokritik juga merupakan kajian yang menganalisis karya-karya yang mengangkat kisah kehidupan perempuan yang dihasilkan atau ditulis sendiri oleh penulis perempuan khususnya. Penulis perempuan memainkan peranan sebagai pencerita dan menentukan permasalahan, tema, genre, dan struktur daripada karya sastera tersebut. Ginokritik boleh dibahagikan kepada empat bahagian iaitu penulisan perempuan dan biologi perempuan, penulisan perempuan dan bahasa perempuan, penulisan perempuan dan psikologi perempuan dan akhir sekali penulis perempuan dan budaya perempuan.

Kajian ini menerapkan pendekatan teori feminis untuk menganalisis pemikiran Khadijah Hashim dan N.H. Dini dan membincangkan persoalan yang digarap oleh kedua-dua orang pengarang ini. Dengan menggunakan teori feminis, kajian ini akan mengupas isu-isu tentang kepentingan pendidikan, kerjaya, pasangan hidup dan